

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL  
RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Pusat Anak Permata Negara yang mana kini mempunyai hampir 80 buah pusat di seluruh Negara akan dipertambahkan lagi oleh kerana program ini sangat membantu golongan yang berpendapatan rendah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan TASKA yang telah melaksanakan Program PERMATA Negara adalah berjumlah 761 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 88 daripadanya adalah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala yang lainnya adalah di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu serta TASKA Tempat Kerja dan TASKA Komuniti.

Bagi Jabatan Perdana Menteri, sebanyak enam (6) buah PAPN sedang dalam perancangan pembinaan iaitu di Putrajaya Presint 11, TUDM Subang, TLDM Lumut, LADA Langkawi, Kuala Krai, Kelantan dan Jeram, Selangor. Jabatan Perdana Menteri juga telah mengadakan kerjasama NBOS dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membina sebuah PAPN dalam kawasan sekolah di Balik Pulau, Pulau Pinang. Jabatan Perdana Menteri juga bekerjasama dengan PR1MA dan PPA1M untuk membina PAPN di kawasan-kawasan perumahan mereka.

Kerajaan sememangnya maklum akan kepentingan menyediakan Program Asuhan dan Didikan Awal berkualiti khususnya kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah. Justeru Kerajaan telahpun menerima Kurikulum PERMATA Negara sebagai kurikulum kebangsaan

dan menjadikan Kursus Asas PERMATA Negara sebagai kursus wajib bagi membolehkan Program PERMATA Negara diperluaskan ke semua TASKA kelolaan pihak swasta.

Sekian, terima kasih.